

15/02/1998

Mahathir perjelas gabungan bank

BUKIT BERUNTUNG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, matlamat menggabungkan syarikat kewangan di negara ini semata-mata untuk mengelakkan institusi itu ditelan bank asing berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak memaksa tetapi menasihatkan syarikat kewangan di negara ini bergabung bagi mengelak satu persatu dikuasai bank asing.

"Hari ini saham bank sudah jatuh dan orang asing boleh beli. Kalau nilai saham jatuh 50 peratus dan ringgit jatuh 50 peratus, bagi orang asing adalah murah.

"Mereka boleh beli tetapi bagi kita susah sikit kerana ringgit bagi kita macam itu juga," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan hari raya dan melawat Taman Bunga Raya yang dimajukan syarikat Medan Prestasi Sdn Bhd, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, syarikat kewangan yang terbabit dalam perundingan bagi penggabungan itu perlu lebih munasabah dan membuat penilaian kedudukan syarikat sekiranya wujud percanggahan.

Beliau mengulas keputusan kerajaan mengekalkan tarikh akhir yang ditetapkan Bank Negara bagi 39 syarikat kewangan untuk menyelesaikan proses penggabungan pada 31 Mac ini.

Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan tidak akan melayan isu remeh dan kerenah yang ditimbulkan syarikat kewangan tertentu yang mementingkan kemegahan masing-masing atau sejarah firma berkenaan.

Anwar berkata, kerajaan tetap mengekalkan tarikh yang dirancang untuk penggabungan diselesaikan kerana berdasarkan pengalaman masa lalu, institusi kewangan harus kekal kukuh, teguh dan tidak boleh digugat.

(END)